

18 JUL 2000

Senjata-Najib

BENAR-BENAR GILA ANGGAP INSIDEN DI SAUK SATU SANDIWARA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini turut menyertai pemimpin lain mengutuk parti pembangkang yang mendakwa insiden di Sauk adalah sandiwara kerajaan.

"Ia benar-benar gila," katanya kepada pemberita semasa ditanya sama ada laporan mengenai kejadian di Sauk yang akan dikeluarkan tidak lama lagi akan menyangkal dakwaan yang dibuat pembangkang baru-baru ini.

Najib ditemui pemberita selepas merasmikan dialog industri pertahanan tempatan anjuran bersama Yayasan Industri Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pertahanan di sini.

Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zahidi Zainuddin yang turut hadir, berkata 11 batalion tentera terlibat dalam operasi itu yang menunjukkan angkatan tentera bertekad untuk menyelesaikan masalah itu dengan menggerakkan sebahagian besar asetnya.

"Ia bukan gurauan," katanya.

Ditanya sama ada dakwaan parti pembangkang berpunca daripada hakikat bahawa insiden itu berakhir tanpa banyak pertumpahan darah, Najib berkata pasukan keselamatan mematuhi arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menggunakan kekerasan paling minimum.

"Ia tidak berakhir dengan pertumpahan darah kerana kita merencangnya begitu. Kami berbincang dengan Panglima Angkatan Tentera, komander dan polis di bawah arahan Perdana Menteri supaya menggunakan kekerasan paling minimum," katanya.

Beliau berkata perancangan pasukan keselamatan itu berhasil dengan menggunakan pelbagai cara seperti pemujukan, ancaman, kata dua dan kekerasan.

"Akhirnya mereka (penjenayah) menyedari bahawa adalah sia-sia bagi mereka meneruskannya (bertahan)," kata Najib.

Mengenai usaha kerajaan untuk memberi penjelasan tentang insiden Sauk itu kepada orang ramai, beliau berkata ia akan dilakukan dengan membentangkan Kertas Putih mengenainya berserta laporan anggota polis dan askar yang berada di tempat kejadian.

"Kita tidak sanggup melihat anggota kita terkorban semata-mata untuk kita membuat suatu pementasan drama sebagaimana yang didakwa oleh parti pembangkang," katanya.

Kejadian di Sauk itu melibatkan sekumpulan penjenayah dan anggota kumpulan ilmu batin Al-Ma'unah yang pada awal pagi 2 Julai, 15 orang daripada mereka melarikan 119 pelbagai jenis senjata dari dua kem di Gerik.

Mereka kemudian menyembunyikan diri bersama-sama 13 lagi anggota kumpulan itu di kawasan hutan Bukit Jenalek, Sauk sebelum menyerah diri lima hari kemudian.

Dua orang anggota keselamatan yang menjadi tebusan kepada kumpulan penjenayah berkenaan semasa mereka dikepung, dibunuh dengan kejam. Seorang penjenayah juga terbunuh akibat tertembak.

Mengenai dialog itu, beliau berkata ia bertujuan untuk membantu meningkatkan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi interaksi industri pertahanan tempatan dan kementerian pertahanan di dalam mengenali keperluan strategik ATM.

Industri pertahanan tempatan yang berdaya maju katanya, banyak memberi faedah kepada negara kerana mereka boleh menyenggara dan membaikpulih peralatan ATM, menyediakan penyelidikan dan pembangunan serta lain-lain.

Kerajaan kata Najib, akan membantu industri pertahanan tempatan melalui

pelbagai cara antaranya dengan memanjangkan tempoh pemberian kontrak pertahanan bagi membolehkan mereka melabur dengan lebih banyak.

Beliau berkata, ATM dan Polis Diraja Malaysia juga boleh bekerjasama terutamanya di dalam bidang pembuatan peluru 5.56 mm yang digunakan oleh raifal kedua-kedua pasukan.

-- BERNAMA

MHI AHH RON